

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

AOP402 - PENGURUSAN PERBANDINGAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Jelaskan pendekatan-pendekatan pengurusan/membuat keputusan ini yang boleh digunakan oleh korporat multinasional (MNC).

(i) Geosentrik.

(ii) Regiosentrik.

(iii) Polisentrik.

(iv) Etnosentrik.

[10 markah]

(b) Bincangkan keempat-empat dimensi budaya yang diutarakan oleh Geert Hofstede. Berikan contoh-contoh spesifik bagi setiap dimensi.

[15 markah]

...2/-

AOP402

2. (a) Jelaskan istilah-istilah berikut:

- (i) Teori mercantilisme.
- (ii) Kebudayaan korporat.
- (iii) Dunia kelima (fifth world).
- (iv) 'Pancasila'.
- (v) 'Mai pen rai'.

[10 markah]

(b) Bincangkan persamaan dan perbezaan yang didapati di antara pengurusan Jepun dengan pengurusan Korea.

[15 markah]

3. (a) Bandingkan corak pengurusan yang diamalkan oleh Amerika Syarikat dengan Jepun.

[15 markah]

(b) Berikan takrif kebudayaan dan cuba bezakan di antara sikap, nilai dan kepercayaan. Beri contoh-contoh spesifik dari budaya Malaysia dalam jawapan anda.

[10 markah]

4. (a) Bincangkan aspek-aspek pengurusan yang diamalkan di Malaysia. Aturkan perbincangan dalam bentuk (i) aspek pengurusan asli; (ii) aspek pengurusan peniruan dari timur; (iii) aspek pengurusan peniruan dari barat.

[15 markah]

(b) Terangkan motif dan sebab-sebab mengapa syarikat-syarikat melabur ke negara lain.

[10 markah]

...3/-

AOP402

5. (a) Lukiskan bentuk-bentuk struktur yang boleh digunakan oleh korporat multinasional (MNC).

[10 markah]

- (b) Terdapat dua pendapat bagi kesan operasi korporat multinasional di dunia ketiga. Terangkan pendapat pro dan kontra ini dengan memberi contoh-contoh spesifik di mana boleh.

[15 markah]

---ooo000ooo---